



Komuniti Banjar di Tanah Rantau: Ibadah haji sebagai satu dorongan tradisi Masyarakat Banjar ‘Madam Ka Banua Urang’

Banjar Community in Tanah Rantau: Hajj as a Motivation for the Banjar Community's ‘Madam Ka Banua Urang’ Tradition

Aiza Maslan@Baharuddin¹ dan Norazlan Hadi Yaacob²

¹Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, ²Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: aizamaslan@usm.my

Abstrak

Masyarakat Banjar cukup sinonim dengan kecenderungan yang mendalam untuk merantau atau ‘madam ka banua urang’, selain kepatuhan beragama yang sangat kuat terhadap ajaran Islam. Sejak menjadi sebahagian daripada penganut agama Islam, ibadah haji menjadi sebahagian daripada tradisi ‘madam’ masyarakat Banjar yang dilakukan dengan kemahuan dan kehendak sendiri, sekali gus menjadi pendorong utama masyarakat Banjar mengerah keringat mencari rezeki dan mengumpulkan dana. Masyarakat Banjar, khususnya di Daerah Kerian mempunyai amalan tradisi mereka yang tersendiri berhubung ibadah haji. Ibadah haji, selain daripada bagi tujuan ibadah turut dilihat sebagai wadah untuk individu memperdalam pengetahuan ilmu agama di Masjidil Haram. Gelaran haji dan pendidikan keagamaan yang diperoleh dari Tanah Suci Makkah diberi penghormatan yang tinggi dalam masyarakat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis konsep ‘madam ka banua urang’ serta kaitannya dengan penyempurnaan ibadah haji masyarakat Banjar dan *Rihlah al-Ilmi*. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif menggunakan kaedah analisis teks, kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Temu bual berstruktur separa dilakukan terhadap sembilan orang responden dari kalangan orang Banjar yang pernah menunaikan ibadah haji menggunakan kapal laut atau yang pernah menyaksikan sendiri suasana perjalanan haji masyarakat Banjar menggunakan kapal laut. Artikel ini mendapati bahawa kedatangan Islam memberikan satu bentuk dimensi baharu terhadap tradisi ‘madam’ masyarakat Banjar, iaitu merealisasikan cita-cita dan keazaman untuk menunaikan ibadah haji sebagai pelengkap rukun Islam kelima dan untuk tujuan *Rihlah al-Ilmi*.

Kata kunci: Ibadah haji, Banjar, tradisi ‘madam’, Makkah, Masjidil Haram.

Abstract

The Banjar community is synonymous with a high tendency to travel or ‘madam ka banua urang’, apart from strong religious adherence to the teachings of Islam. Since becoming a part of the Muslim community, Hajj pilgrimage has been integrated into the Banjarese ‘madam’ tradition which is performed out of freewill and desire, thus encouraging them to intensify their efforts to earn a living and raise funds. The Banjarese especially in the Kerian district have their own tradition of pilgrimage. Other than for the purpose of worship, this tradition is also seen as a platform for individuals to deepen their knowledge of Islam in the sacred Haraam Mosque. The title of “Haji” preceding their names obtained from the holy land of Makkah is highly respected in the community. Therefore, the objective of this article is to analyse the concept of ‘madam ka banua urang’ in relation to the performance of hajj among the Banjarese and *Rihlah al-Ilmi*. This study employed a qualitative methodology which involved text analysis, library and field research. Semi-structured interviews were conducted with nine respondents from the Banjar community who had performed the hajj or witnessed the departure of the Banjarese hajj pilgrims by ships. The advent of Islam has added a new dimension to the Banjarese ‘madam’ tradition which are the realisation of ideals and the determination to perform hajj pilgrimage to complete the fifth pillars of Islam, as well as for the purpose of *Rihlah al-Ilmi*.

Keywords: Hajj, The Banjarese, ‘madam’ tradition, Makkah, Haraam Mosque, *Rihlah al-Ilmi*.



Pengenalan

Jika tradisi ‘merantau’ diketahui umum sebagai ciri penting masyarakat Minangkabau, masyarakat Banjar pula cukup sinonim dengan tradisi ‘madam’. Masyarakat Banjar yang berasal dari Kalimantan Selatan bukan hanya dikenali sebagai sebuah masyarakat yang mempunyai semangat kesukuan yang sangat kuat sesama mereka, tetapi mereka juga sering dikaitkan dengan sifat cenderung untuk berhijrah ke negara lain atau ‘madam ka banua urang’ demi mencari rezeki bagi kelangsungan hidup yang lebih baik. Bagi masyarakat Banjar yang kebanyakannya mendiami daerah Delta Barito dan Hulu Sungai, mereka menghadapi pelbagai kesempitan hidup sebagai akibat daripada keadaan tanah yang tidak subur, bencana banjir, tanah sawah dan kemajuan pertanian yang agak terhad serta hasil penangkapan ikan yang tidak mencukupi bagi menampung sejumlah penduduk yang melebihi satu setengah juta orang. Selain kesempitan hidup, peperangan juga menjadi antara faktor utama mendorong masyarakat Banjar ‘madam ka banua urang’. Penguasaan Belanda ke atas kota Banjarmasin yang ketika itu diperintah oleh Sultan Muda Tamjidullah menyebabkan golongan Pangeran dan Gusti yang merupakan golongan pembesar diraja menyembunyikan diri ke dalam hutan sebelum melarikan diri keluar dari negeri Banjar.

Setelah meninggalkan kampung halaman, sudah tentu satu daerah baharu perlu dikenal pasti untuk memulakan kehidupan setelah perantau meninggalkan daerah asal mereka, iaitu tanah rantau. Setelah meletusnya Perang Paderi yang memihak kepada Belanda, terdapat kecenderungan yang meningkat dalam masyarakat Indonesia untuk merantau ke kota-kota berhampiran bagi tujuan mendapat peluang pekerjaan baharu. Sebahagiannya menjadikan kota-kota berkenaan sebagai persinggahan sementara sebelum melangkah lebih jauh ke kota-kota yang lebih besar di Pulau Sumatera, Pulau Jawa dan Malaysia (Mochtar, 1984). Antara kawasan yang menjadi tumpuan utama masyarakat Banjar di Malaysia ialah kawasan di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia, iaitu Batu Pahat, Muar, Kuala Selangor, Sungai Besar, Bagan Datoh dan Kerian. Migrasi masyarakat Banjar ke Tanah Melayu tidak berlaku secara besar-besaran sebaliknya berlaku tahap demi tahap. Ketika itu, mereka cenderung untuk memanggil Tanah Melayu dengan pelbagai nama berasaskan negeri, umpamanya ‘madam ka Perak’ dan ‘mandang (menghala) ka Pulau Pinang’ (Chek Mat, 1982).

Seperkara yang menarik tentang masyarakat Banjar, meskipun mereka telah memulakan kehidupan baharu di tanah rantau, sikap dan idealisme mereka berhubung kekukuhan pegangan nilai dan tradisi beragama tetap terus terpelihara dengan baik. Selari dengan tujuan asal mereka meneroka tanah-tanah pertanian baharu di tanah rantau dengan matlamat utama mengumpul harta bagi memenuhi cita-cita mereka menunaikan ibadah haji, telah menjadi lumrah bagi masyarakat Banjar menjual tanah sawah atau kebun mereka bagi merealisasikan cita-cita tersebut. Bukanlah menjadi suatu keganjilan bagi masyarakat Banjar jika rumah mereka kelihatan daif tetapi mereka sudahpun bergelar haji. Bagi yang berkemampuan pula, telah menjadi suatu kelaziman bagi mereka melaksanakan ibadah berkenaan berulang kali (Noriah & Ghazali, 2012).

Walaupun masyarakat Banjar sudah lama menjadi sebahagian daripada masyarakat di Malaysia, namun penulisan ilmiah oleh pengkaji dari Malaysia yang khusus membincangkan tentang masyarakat Banjar masih sangat terhad bilangannya jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan terhadap masyarakat lain, khususnya masyarakat Minangkabau dan Bugis. Kekangan faktor sumber menjadi salah satu penyumbang utama kajian tentang sejarah masyarakat Banjar tidak dijadikan fokus utama para pengkaji di Malaysia. Jika diamati dengan teliti, para pengkaji lebih cenderung menjadikan sifat dan pola migrasi masyarakat Banjar sebagai objek perbandingan dengan masyarakat lain, iaitu Minangkabau, Bugis, Bawaen dan Madura berbanding memfokuskan kajian khusus terhadap masyarakat Banjar sahaja.

Baik budaya ‘merantau’ bagi masyarakat Minangkabau, mahupun budaya ‘madam’ bagi masyarakat Banjar yang dilakukan bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup, menimba ilmu agama, sekali gus menyempurnakan rukun Islam kelima, iaitu ibadah haji, budaya berkenaan merupakan amalan yang amat lumrah bagi masyarakat alam Melayu sejak dahulu lagi. Oleh itu, objektif kajian ini



adalah bertujuan untuk menganalisis konsep ‘madam ka banua urang’ dalam kalangan masyarakat Banjar serta perkaitannya dengan penyempurnaan ibadah haji dan *Rihlah al-Ilmi*.

Latar Belakang

Masyarakat Banjar dan Tradisi ‘Madam Ka Banua Urang’

Menurut Taufik (2009), dalam tradisi lisan masyarakat Banjar aktiviti merantau, migrasi atau berpergian ke tempat yang jauh dalam jangka waktu yang lama dan berkecenderungan untuk tinggal menetap disebut sebagai ‘madam’. Kajian yang dilakukan oleh Zulfa (2011) menyifatkan bahawa diaspora masyarakat Banjar berlaku di pelbagai kawasan dengan adanya tradisi ‘madam’. Jika dibandingkan dengan masyarakat Minang yang tidak berhasrat untuk tinggal menetap di tanah rantau, masyarakat Banjar lebih berkecenderungan untuk tinggal menetap secara kekal di tanah rantau kerana mereka berpandangan bahawa sekiranya daerah tujuan membuahkan kekayaan dan kehidupan bermakna di situ rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka. Perkara tersebut selari dengan pandangan Salleh (2016) yang menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat Banjar lebih berkecenderungan untuk menjadi ‘perantau hilang’, iaitu perantau yang terus menetap di Malaysia dan tidak pulang lagi ke Kalimantan Selatan. Mereka diterima oleh kerajaan penjajah Inggeris pada masa itu sebagai sebahagian daripada bangsa Melayu atau bumiputera Malaysia. Dengan itu, anak cucu mereka kini secara automatik menjadi rakyat atau warganegara Malaysia.

Memandangkan ‘madam’ disifatkan sebagai satu bentuk perjuangan dan mereka bersedia untuk mati di perantauan, masyarakat Banjar memegang kepercayaan bahawa jika sudah melangkah kaki turun dari rumah untuk ‘madam ka banua urang’ mereka tidak akan menoleh lagi ke belakang untuk melihat ahli keluarga mereka buat kali terakhir. Perkara tersebut secara tidak langsung menjelaskan tentang sikap orang Banjar yang gemar membawa ‘sangu’, iaitu barangan yang dibawa bersama-sama mereka untuk merantau dalam bentuk pisau, besi, ‘jimat-jimat’ dan ‘babatsal’. ‘Jimat-jimat’ ialah tangkal yang mengandungi angka, lambang rajah dan ayat Al-Quran yang disebut juga wafak. Pada kebiasaannya, jimat-jimat diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan, binatang, tanah, logam seperti besi kuning dan sebagainya dan dipakai untuk melindungi diri daripada bencana, menjadikan seseorang itu kebal atau digeruni. ‘Babatsal’ pula adalah ‘jimat-jimat’ atau wafak yang dibungkus dengan kain dan diikat di pinggang atau anggota tubuh yang lain. Selain itu, sebagai persediaan untuk ‘madam’ ke tempat yang baru, orang Banjar turut mempersiapkan diri mereka dengan bentuk selain barangan, seperti ilmu silat kuntau, ilmu kebal dan mentera yang digunakan untuk memelihara diri mereka (Zulfa, 2011). Bagi orang Alabio yang merupakan salah satu sub rumpun masyarakat Banjar, mereka mengibaratkan kaum lelaki mereka yang tidak ‘madam ka banua urang’ sebagai ‘ayam pipit di barumahan’, iaitu ketidakmampuan untuk mereka bersaing di luar kampung halaman bagi menyara kehidupan (Taufik, 2007).

Taufik (2009) dalam kajian yang dilakukannya mengemukakan empat bentuk model yang berkaitan dengan sifat migrasi masyarakat Banjar. Pertama, kecenderungan mereka melakukan aktiviti ‘madam’ ke daerah yang dekat berpunca daripada tekanan ekonomi di daerah asal, sebaliknya ‘madam’ ke daerah yang jauh adalah disebabkan wujud keserasian dengan pekerjaan baru yang lebih menguntungkan. Kedua, kewujudan tekanan sosio-budaya, seperti cemuhan masyarakat kampung terhadap golongan yang menganggur dan terdapat pilihan pekerjaan yang berbeza dengan pekerjaan di daerah asal. Pandangan tersebut turut disokong oleh Rambe seperti yang dipetik oleh Taufik (2009) bahawa pekerjaan di sektor perdagangan lebih dihormati berbanding pekerjaan di sektor pertanian. Ketiga, kejayaan dan keberhasilan di tanah rantau menyebabkan mereka berkecenderungan untuk tinggal menetap secara kekal. Mereka giat berusaha mengumpul kekayaan dan menarik minat sanak-saudara untuk turut sama mengikut jejak langkah mereka. Masyarakat Banjar di tanah rantau jarang sekali melakukan pengiriman wang kepada sanak-saudara di kampung halaman dan membeli tanah pertanian di kampung asal. Keempat, kegagalan di tanah rantau tidak mendorong mereka untuk kembali ke daerah asal mereka, sebaliknya mereka memilih untuk ‘madam’ ke kawasan lain yang menjanjikan kehidupan yang lebih baik. Maruah dan harga diri



sangat penting bagi masyarakat Banjar menyebabkan mereka berasa sangat malu jika terpaksa kembali ke tanah asal akibat kegagalan di tanah rantau.

Kemahiran yang tinggi dalam membuat perahu dan jukung merupakan kelebihan yang dimiliki oleh masyarakat Banjar sehingga memungkinkan mereka melakukan mobiliti dan 'madam' ke beberapa kawasan untuk berniaga sesuai dengan ekologi Kalimantan yang mempunyai sungai yang banyak. Proses mobiliti berperahu menyusuri sungai bagi mencari hasil hutan dan menjualnya di perkampungan dan pasar kecil yang disinggahi telah memungkinkan orang Banjar menetap di kawasan terbabit buat beberapa ketika dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Setelah memiliki lebih modal mereka akan bermigrasi ke kawasan yang lebih jauh seperti Kalimantan Tengah dan Surabaya. Pola migrasi sebegini disebut sebagai *leaping frog* (Taufik, 2009).

Potter sebagaimana yang dipetik oleh Taufik (2007) menunjukkan bahawa orang Banjar yang merantau ke Sumatera, seperti ke Muara Tungkal dan Tembilahan cenderung melakukan *leaping frog* dengan menyeberang ke Batu Pahat, Johor, Daerah Kerian, Perak dan Selangor. Perhubungan sebegini memudahkan tersebarnya perkhawaran positif-negatif yang dibawa oleh perantau terdahulu kepada perantau yang berada di daerah transit atau di daerah asal untuk turut sama merantau. Selain itu, perantau terdahulu juga kembali ke kampung halaman mereka sekembalinya mereka daripada menunaikan ibadah haji bagi membuktikan kejayaan dan keberhasilan mereka di tanah rantau, sekali gus mengajak sanak-saudara untuk menuruti jejak langkah mereka.

Berdasarkan Jadual 1, kajian yang dilakukan oleh Mochtar (1984) menunjukkan bahawa tanah rantau utama bagi masyarakat Banjar pada tahun 1930 ialah bahagian tengah pantai timur Sumatera dan Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah masyarakat Banjar yang bermigrasi ke Malaysia menduduki tangga kedua selepas orang Jawa. Pada tahun 1911 jumlah orang Banjar di Malaysia dianggarkan berjumlah 21,300 dan jumlah berkenaan meningkat kepada 37,800 orang pada tahun 1921. Pada tahun 1931, orang Banjar di Malaysia dianggarkan mencecah kepada sejumlah 45,400 orang. Menurut banci penduduk pada tahun 1947, dianggarkan seramai 63,000 orang Banjar di Malaysia yang menetap di Perak, Johor dan Selangor (Mochtar, 1984).

Jadual 1: Distribusi Orang Banjar dan Bugis di Pelbagai Tempat di Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu, 1930.

Tempat	Orang Banjar	Peratus	Orang Bugis	Peratus
Sulawesi Selatan	-	-	1,380,334	89.5
Sulawesi Utara	2,319	2.5	27,477	1.8
Kalimantan	809,842	85.8	95,048	6.2
Pulau Bawean	-	-	-	-
Sumatera	77,838	8.2	10,170	0.7
Jawa & Madura	3,286	0.3	4,593	0.3
Bali & Lombok	-	-	2,468	0.2
Timor	629	-	11,652	0.8
Maluku	151	-	1,293	0.2
Jumlah di Indonesia	894,065	94.7	1,533,035	99.4
Semenanjung Tanah Melayu	45,351	4.8	10,000	0.6
Kalimantan Inggeris	4,819	0.5	-	-
Jumlah keseluruhan	944,235	100	1,543,035	100
Jumlah di rantau	134,393	14.2	162,701	10.5

Sumber: Mochtar Naim, 1984.

Seperkara yang menarik tentang masyarakat Banjar sebagai etnik pendatang ialah kesungguhan mereka untuk menyesuaikan diri dan bersikap adaptif dengan suasana dan keadaan di tanah rantau. Hal tersebut berkait rapat dengan reputasi yang dipegang oleh masyarakat Banjar sebagai kelompok etnik yang sering bermigrasi. Walaupun hampir sebahagian besar daripada mereka tidak mendapat pendidikan secara formal, kemampuan bertahan hidup dan menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat di tanah rantau sehingga membentuk sebuah perkampungan yang besar sangat mengagumkan (Taufik, 2009).

Keberadaan mereka di tanah rantau tidak mendatangkan masalah yang besar bagi mereka kerana mereka mudah diterima dengan baik oleh masyarakat setempat. Antara faktor yang memudahkan penerimaan masyarakat kepada mereka adalah sikap masyarakat Banjar yang cukup sinonim dengan sikap berpegang kuat kepada ajaran agama Islam. Masyarakat Banjar turut memberikan perhatian serta penilaian yang begitu tinggi kepada mereka yang mempunyai pengetahuan keagamaan. Kedatangan Islam memberikan satu bentuk dimensi baharu terhadap tradisi 'madam' masyarakat Banjar, iaitu merealisasikan cita-cita dan keazaman untuk mengerjakan ibadah haji sebagai pelengkap rukun Islam kelima. Sejak menjadi sebahagian daripada penganut agama Islam, haji menjadi sebahagian daripada tradisi 'madam' masyarakat Banjar yang dilakukan dengan kemahuan dan kehendak sendiri, sekali gus menjadi pendorong utama masyarakat Banjar mengerah keringat mencari rezeki dan mengumpul dana. Perkara tersebut secara tidak langsung menjelaskan bahawa mengapa ramai dalam kalangan masyarakat tersebut menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Makkah saban tahun sejak dari era pengangkutan kapal laut.

Metodologi

Kajian ini secara umumnya merupakan kajian kualitatif. Penyelidik akan menggunakan kaedah analisis teks, kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Teks yang dianalisis diperoleh daripada simpanan individu berketurunan Banjar yang ditemui bual, iaitu Kitab Manakib Tuan Sheikh Muhammad Saman. Kajian kepustakaan pula bertujuan untuk mengukuh serta menjelaskan tentang sejarah penghijrahan masyarakat Banjar ke tanah rantau khususnya Malaysia. Dalam hal ini, pengkaji mengkaji dan menganalisis buku, artikel jurnal dan pelbagai jenis sumber literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang di Malaysia, seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Negara Malaysia serta beberapa perpustakaan lainnya untuk menyokong kajian penulis.

Bagi memantapkan lagi kajian ini, kaedah kajian lapangan juga telah digunakan. Bagi mendapatkan data di lapangan kaedah temu bual bersemuka telah digunakan. Secara umumnya, pengkaji menggunakan kaedah temu bual berstruktur separa, yang mana soalan telah ditentukan, tetapi susunan soalan serta ayat boleh diubah suai semasa temu bual berlangsung (Robson, 2002). Sepanjang proses tersebut, terdapat soalan yang boleh diabaikan atau ditambah secara spontan kepada responden bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, sekali gus memberikan autonomi dan kelenturan kepada pengkaji dalam pengendalian temu bual. Kaedah ini juga memberi ruang kepada responden untuk menjawab soalan secara bebas serta berkongsi cerita tentang pengalaman, perasaan serta pandangan peribadi mereka menggunakan bahasa mereka sendiri menerusi komunikasi dua hala (Bryman, 2012). Menurut Seidman (2006) apabila seseorang bercerita, mereka akan memilih maklumat terperinci daripada pengalaman mereka dalam keadaan sedar.

Temu bual dilakukan terhadap sembilan orang responden dari kalangan orang Banjar yang berpengalaman menunaikan ibadah haji menggunakan kapal laut atau pernah menyaksikan sendiri suasana pemergian haji masyarakat Banjar menggunakan kapal laut. Bilangan responden amat kecil kerana kesukaran untuk mendapatkan responden yang mempunyai pengalaman yang diperlukan. Melalui rakaman memori serta pengalaman yang telah dilalui oleh responden yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan isu yang dikaji maklumat yang lebih tepat dapat diperoleh.

Perkara ini selari dengan pandangan Mahani Musa (2018) bahawa sejarah setiap masyarakat bermula dengan sejarah lisan sebelum kepentingannya diambil alih oleh dokumen dan rekod. Kajian lapangan ini dilakukan secara berperingkat antara Disember 2005 sehingga Ogos 2016 kerana responden dikenalpasti secara bertahap. Temu bual yang dijalankan mengambil masa lebih kurang 1 hingga 2 jam bagi setiap responden kerana tempoh ini bersesuaian dengan objektif temu bual yang memerlukan responden menyusun semula penceritaan berdasarkan pengalaman mereka (Seidman, 2006). Responden telah dimaklumkan lebih awal tentang aktiviti penyelidikan yang dijalankan dan mereka turut dimaklumkan tentang penggunaan data yang diperolehi hasil temu bual yang dijalankan bagi membolehkan mereka membuat keputusan untuk terlibat atau tidak dalam temu bual. Pada hari kejadian, pengkaji sekali lagi meminta persetujuan responden untuk melakukan temu bual dan kesemua mereka telah menyatakan persetujuan setelah memahami prosedur yang akan dijalankan. Pengkaji meminta izin untuk membuat rakaman temu bual menggunakan telefon pintar dan pemain MP4 supaya tidak ada data yang tercicir sepanjang berlangsungnya temu bual kerana mustahil bagi pengkaji mengingat perbualan yang berlaku. Nama responden dirahsiakan dalam penulisan ini, sebaliknya nama samaran akan digunakan bagi menjaga privasi responden selari dengan pandangan Seidman (2006). Malah, beliau turut menyarankan agar pengkaji sendiri mentranskripsi semua rakaman audio yang mengandungi temu bual dengan responden bagi memudahkan analisis data dilakukan.

Jadual 2: Responden Mengikut Tahun Menunaikan Ibadah Haji.

No	Nama samaran	Umur	Tahun menunaikan haji
1.	Haji Mat	72	1934
2.	Haji Awang	58	1950
3.	Haji Baharudin	62	1990
4.	Haji Omar	86	1928
5.	Haji Lazim	78	1969
6.	Haji Hasan	75	1953
7.	Haji Asmawi	68	1948, 1957 dan 1974
8.	Haji Asmuni	74	1970
9.	Haji Abdul Qadir	85	1954

Dalam penulisan ini, sumber rujukan yang tidak mempunyai nama pengarang akan dirujuk sebagai 'anonymous' pada sitasi dalam teks dan juga pada bahagian rujukan selari dengan *Publication Manual of the American Psychological Association* (American Psychological Association [APA], 2010).

Perbincangan dan Hasil Dapatan

Masyarakat Banjar dan Ibadah Haji

Menurut Hikayat Banjar, sejak Pangeran Samudera dinobatkan sebagai Sultan Suriansyah di Banjarmasin hampir 400 tahun lalu, Islam telah diangkat menjadi agama rasmi kerajaan Banjar menggantikan agama Hindu. Sejak itu, proses Islamisasi berjalan lancar dan Islam menjadi identiti masyarakat Banjar sekitar pertengahan abad ke-18 atau sebelumnya. Memandangkan Hikayat Banjar hanya menceritakan peristiwa yang berlaku di persekitaran istana dan dalam lingkungan keluarga diraja sudah pasti telah ada orang Banjar khususnya yang bermukim di kawasan pantai yang telah memeluk Islam lebih awal. Statistik yang diperolehi daripada Kantor Wilayah Departemen Agama Banjarmasin, pada tahun 1978 sahaja menunjukkan bahawa hampir 98 peratus penduduk Kalimantan Selatan beragama Islam dan selebihnya beragama Kristian, Hindu, Buddha dan agama kesukuan (khususnya orang Dayak Bukit dan Dayak Manyan) (Alfani, 1997).

Jelas sekali, majoriti masyarakat Banjar sememangnya beragama Islam dan menurut Alfani (1997) agama Islam telah menjadi sebahagian daripada ciri penting masyarakat Banjar sehingga menyebabkan sekiranya terjadi peristiwa, iaitu orang Dayak memeluk agama Islam disifatkan sebagai “menjadi orang Banjar”. Orang Banjar juga merupakan kelompok masyarakat yang berpegang teguh kepada suruhan agama dan perkara ini disokong oleh Mohd. Aris (1986). Oleh itu, masyarakat Banjar amat menitikberatkan kepatuhan kepada rukun Iman dan rukun Islam dalam kehidupan seharian mereka dan perkara tersebut diterapkan dalam diri anak-anak mereka. Bukti yang paling jelas mengenai pandangan semesta masyarakat Banjar berkenaan adalah mereka gemar membina ‘langgar’, iaitu tempat mereka menunaikan sembahyang secara berjemaah setiap hari, khususnya sembahyang malam. Ibadat sembahyang malam akan meningkat secara ketara apabila tibanya bulan Ramadhan. Selain sembahyang, mereka juga sangat mementingkan ibadat puasa dan zakat. Menariknya, dari aspek penunaian rukun Islam kelima pula, daerah Kalimantan Selatan mencatatkan antara jumlah jemaah haji teramai berbanding daerah lain di Indonesia saban tahun (Alfani, 1997).

Amalan beragama masyarakat Banjar sering menekankan tentang ibadah haji, meskipun dalam melakukan ibadat sembahyang. Perkara tersebut jelas digambarkan oleh Alfani (1997) ketika melakukan kajian lapangan di sebuah masjid di Dalam Pagar, Kalimantan Selatan pada hari Jumaat:

Orang-orang sudah mulai berdatangan sekitar satu jam sebelum, atau lebih awal lagi, dari pada acara dimulai. Mereka langsung bersembahyang, iaitu sembahyang tahiyya(t) al-masjid, menghormati masjid, lalu duduk dan segera menyalami (menjabat tangan) orang-orang yang berada di sekitarnya. Orang-orang yang baru tiba dari tanah suci, datang dalam pakaian kebesaran seorang haji, dalam kesempatan ini bukan hanya menyalami melainkan biasanya memeluk tetangganya, sesuai dengan kebiasaan penduduk Mekkah pada waktu bertemu dengan teman akrabnya, konon karena melimpahkan berkah dari Mekkah yang dibawanya untuk tetangganya itu...disertai permintaan bacaan surah Fatihah (Qs.1), fatihah empat (Qs.1, Qs.112, Qs.113, dan Qs.114), surah Qulhu (Qs.112), dan doa arwah untuk seorang kerabat tertentu yang baru meninggal dunia, atau disertai permintaan doa atau bacaan surah Fatihah untuk keselamatan seseorang yang sedang pergi haji.

Gambaran yang dikongsikan oleh Alfani (1997) selari dengan kajian yang dilakukan oleh Azizi (1983) yang menegaskan bahawa penghijrahan orang Indonesia mempunyai kaitan dengan cita-cita mereka untuk menunaikan haji. Dorongan yang kuat untuk menyempurnakan rukun Islam kelima mendorong masyarakat Indonesia bermigrasi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk mencari dan mengumpul wang secukupnya bagi membolehkan mereka merealisasikan cita-cita tersebut. Pandangan yang sama telah diutarakan oleh Roff (2003) yang membahaskan bahawa selain daripada faedah ekonomi yang ditemui di Tanah Melayu keinginan menunaikan haji ke Makkah menjadi pendorong utama bagi orang Indonesia yang bermigrasi. Seramai 7,000 orang bakal haji Indonesia belayar ke Makkah pada akhir abad ke-19 dan kebanyakan mereka menggunakan pelabuhan Singapura untuk tujuan pergi dan balik. Tindakan tersebut berkait rapat dengan polisi kerajaan Hindia Timur Belanda yang mempunyai persepsi negatif terhadap jemaah haji yang pulang ke tanah air sehingga mereka dilabel sebagai golongan subversif. Sebagai langkah untuk mengehadkan jumlah mereka yang menunaikan haji saban tahun pihak kerajaan menggunakan helah dengan memperkenalkan peraturan bertujuan mengekang pemergian orang Islam ke Makkah, iaitu mewajibkan mereka menduduki ujian sebelum bertolak dan selepas pulang ke tanah air. Sikap dingin kerajaan Hindia Timur Belanda diperjelaskan dengan ketiadaan konsulnya di Jeddah sehingga tahun 1872 dan sehingga akhir abad ke-19 tiada sebuah pun syarikat kapal Belanda yang memainkan peranan membawa bakal-bakal haji ke Makkah walaupun bilangan jemaah haji Indonesia merupakan antara yang terbesar di Hejaz (Roff, 2003).

Polisi kerajaan Hindia Timur Belanda mula bertukar setelah C. Snouck Hurgronje menjadi Penasihat Tentang Hal Ehwal Anak Negeri dan Arab pada tahun 1902 apabila beliau mengambil tindakan membatalkan polisi sekatan terhadap bakal-bakal haji. Dalam tempoh sepuluh tahun pertama abad ke-20, kebanyakan bakal haji Indonesia akan belayar ke Makkah melalui pelabuhan Singapura, sekali gus memperlihatkan bahawa mereka akan menetap beberapa tahun di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu bagi mengumpul dana secukupnya bagi merealisasikan cita-cita melengkapkan rukun Islam kelima (Roff, 2003).

Alfani (1997) menegaskan bahawa besar kemungkinan orang Banjar merupakan antara kelompok terbesar yang menunaikan haji dari seluruh Indonesia. Beliau memetik kajian yang dilakukan oleh Vredendregt (1962) yang merekodkan bahawa pada tahun 1930 jumlah mereka yang menunaikan haji dari Residentie Zuider en Ooster Afdeeling van Borneo (Kalimantan Timur, Selatan dan Tengah) adalah 125 per 100,000 penduduk. Berdasarkan data di Kantor Wilayah Departemen Agama, jumlah mereka yang menunaikan haji pada tahun 1975 ialah 123 orang per 100,000 penduduk Kalimantan Selatan, 203 orang pada tahun 1978 dan 255 orang pada tahun 1980 dengan jumlah tertinggi dari Banjarmasin dan diikuti dengan Kabupaten Banjar. Masyarakat Banjar memberikan penghormatan yang tinggi kepada mereka yang bergelar haji. Sekiranya mereka terkenal alim sebelum ke Makkah penghormatan berkenaan lebih melonjak sekembalinya mereka dari Makkah. Menurut Haji Baharudin yang berpengalaman melihat suasana pemergian haji era kapal laut, ketika ingin berangkat ke Makkah bakal haji diiringi dengan ritual keagamaan dan perkara yang sama juga dilakukan sekembalinya mereka setelah selesai menunaikan haji. Masyarakat di Martapura akan mengadakan majlis doa selamat (selamatan) setiap minggu kebiasaannya pada malam Jumaat bagi mendoakan keselamatan jemaah haji. Majlis doa selamat yang lebih besar diadakan pada malam hari Arafah (malam 9 Zulhijjah) sehingga jemaah haji kembali ke tanah air. Jemaah haji yang sudah berumur pada kebiasaannya dipanggil sebagai 'pa tuan' atau 'pa haji' bagi lelaki dan 'ma tuan' atau 'ma haji' bagi wanita. Setelah selesai mengerjakan haji jemaah haji wanita pada kebiasaannya pulang ke tanah air dengan memakai marhamah dan selendang di atas kepala (Temu bual dengan Haji Baharudin).

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap masyarakat Banjar di daerah Kerian menunjukkan bahawa mereka mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap aktiviti keagamaan, khususnya melibatkan institusi haji dan kecenderungan tersebut masih tegar sehingga kini. Penelitian terhadap sejarah pengerjaan haji di Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat Banjar merupakan antara kelompok terbesar jemaah haji yang mengerjakan ibadah tersebut saban tahun sejak era kapal laut. Menurut Noriah & Ghazali (2012), sehingga awal tahun 1950-an masih ramai masyarakat Banjar yang menunaikan ibadah haji ke Makkah. Hasil tinjauan yang mereka lakukan di Kampung Tebuk Banjar, Teluk Intan, Perak juga mendapati sembilan daripada sepuluh orang yang berusia 50 tahun ke atas telahpun menunaikan tanggungjawab mereka melaksanakan rukun Islam kelima tersebut. Penglibatan mereka bukan hanya sebagai jemaah haji, tetapi sebahagian daripada mereka turut terlibat sebagai syekh haji yang merupakan penggerak utama industri berkenaan sebelum tertubuhnya Sistem Muassasah. Perkara tersebut secara tidak langsung menunjukkan peri pentingnya peranan yang dimainkan oleh masyarakat Banjar dalam sejarah haji di Malaysia.

Hasil temu bual dengan masyarakat Banjar di Daerah Kerian yang pernah menunaikan ibadah haji mendapati bahawa kebanyakan mereka menunaikan rukun Islam kelima berkenaan pada usia yang muda dan secara tidak langsung menggambarkan bahawa masyarakat berkenaan begitu menitikberatkan pegangan agama tanpa mengira usia. Haji Mat umpamanya, menunaikan ibadah haji pada tahun 1966 ketika berusia 32 tahun. Beliau membiayai perbelanjaan hajinya melalui hasil padi dan mangga yang ditanam di sawah (Temu bual dengan Haji Mat). Mana kala, Haji Awang pula dilahirkan di atas kapal haji, *Tyndareus* pada 16 Oktober 1950 di Aden ketika dalam pelayaran pulang ke tanah air. Menurut beliau, terdapat kecenderungan segelintir masyarakat untuk menamakan anak yang dilahirkan bersempena dengan nama kapal haji bagi mengabadikan kenangan pelayaran haji dan dengan kepercayaan bahawa suatu hari nanti anak mereka akan diberikan tambang murah oleh kapal haji berkenaan (Temu bual dengan Haji Awang). Selain itu, Haji Hasan yang ditemubual pula telah berpeluang menunaikan ibadah haji seawal usianya 23 tahun, iaitu pada tahun 1953 menggunakan



hasil padi sebanyak 12 relung. Segantang padi ketika itu berharga 70 sen (Temu bual dengan Haji Hasan). Haji Asmawi yang menunaikan haji pada tahun 1948 menggunakan hasil tanaman padi dan getah. Padi ketika itu berharga 50 sen segantang dan getah 20 sen sekati, mana kala Haji Asmuni yang menunaikan haji pada tahun 1970 turut menggunakan hasil padi yang ketika itu berharga \$25.00 sepikul (Temu bual dengan Haji Asmawi dan Haji Asmuni). Daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa rata-rata jemaah haji berketurunan Banjar di Daerah Kerian yang ditemubual membiayai perbelanjaan haji melalui hasil tanaman padi dan getah.

Sudah menjadi tradisi dan amalan bagi masyarakat Banjar di beberapa kawasan di sekitar Daerah Kerian sebelum tahun 1980 untuk memperdengarkan bakal haji dan masyarakat kampung dengan kisah yang terdapat di dalam Kitab Manakib Tuan Sheikh Muhammad Saman sepanjang malam terakhir sebelum berangkat ke pelabuhan berlepas. Ada juga dalam kalangan jemaah haji yang membaca kitab ini setelah selamat kembali ke tanah air (Temu bual dengan Haji Awang). Kitab *Manakib* merupakan sebuah genre berbentuk hagiografi (biografi tokoh suci) yang memerihalkan kewarakan, keberanian, kerendahan hati, malahan perwatakan luar biasa seseorang individu. Kesemua elemen berkenaan menjadikan tokoh berkenaan dihormati, disanjung dan dianggap mulia dalam kalangan masyarakat. Kitab *Manakib* telah menjadi sebahagian daripada budaya beragama masyarakat Banjar pada zaman awal (Aiza, 2019).

Kitab *Manaqib* Tuan Sheikh Muhammad Saman mengisahkan kehebatan seorang wali Allah SWT, iaitu Sheikh Muhammad Saman yang merupakan seorang ‘ahli al-syariat wa al-tariqat wa al-haqiqat, iaitu khutub di dalam negeri Madinah’ (Anonymous, t.t.). Ketika hayatnya dikatakan bahawa sesiapa yang tidak meminta izin daripada beliau untuk menziarahi makam Rasulullah SAW dipercayai ziarah tersebut menjadi sia-sia. Sheikh Muhammad Saman suka menabur khidmat kepada sesiapa sahaja yang datang menziarahi makam Rasulullah SAW Antara kelaziman beliau ialah sentiasa berada dalam berzikir siang dan malam, sering ber’uzlah, menziarahi perkuburan Baqi’ dan berzikir dan membaca Al-Quran di situ (Muhammad Marwan, 2011: 17-22). Antara kepercayaan yang wujud dalam kalangan masyarakat Banjar ialah kitab tersebut dibaca untuk mengambil berkat ‘karamah’ Tuan Sheikh Muhammad Saman agar pelayaran yang bakal ditempuhi oleh bakal-bakal haji selamat daripada sebarang kecelakaan terutamanya karam di lautan, dengan izin Allah SWT. Ada juga antara mereka yang bernazar akan membaca kitab berkenaan sekiranya diberi rezeki untuk ke Tanah Suci Makkah (Temu bual dengan Haji Baharudin). Kitab ini pada kebiasaannya dibaca oleh Tok Guru atau orang alim yang telah diserahkan mandat oleh bakal haji. Orang yang diberi tanggungjawab membaca kitab berkenaan ialah Tuan Guru Haji Sabran bin Asmawi bagi kawasan Alor Pongsu dan Ayer Hitam, Bagan Serai, Perak, Tuan Guru Haji Asmawi bagi kawasan Parit Antara, Parit Haji Taib dan Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak dan Tuan Guru Haji Ihsan bin Basyuni bagi kawasan Simpang Lima, Parit Buntar, Perak (Temu bual dengan Haji Baharudin). Antara karamah yang dikaitkan dengan Sheikh Muhammad Saman ialah cerita yang terdapat di dalam Kitab *Manaqib* Tuan Sheikh Muhammad Saman:

“...dan setengah daripada karamah Tuan Sheikh Muhammad Saman itu iaitu barang yang dikhabarkan oleh Mafrin bin Abdul Muin katanya, “tatkala aku belayar daripada Negeri Swiss kepada Negeri Hejaz, manakala sampai aku di tepi laut maka aku lihat mega itu sangat hitamnya. Kemudian maka turunlah angin taufan hingga hampirlah karam kapalku itu. Maka datanglah takut di dalam hatiku sehabis² takut. Kemudian maka aku berdiri di haluan kapalku, lalu aku berteriak² sehabis² suara aku, “Ya Saman², Ya Mahdi li”. Maka tiba² aku lihat ada dua orang berjalan di atas air datang ke kapalku, satu memegang pihak kanan dan satu memegang pihak kiri. Kemudian maka matilah air dan berhentilah ombaknya dengan berkata dua orang itu serta sampailah aku ke negeri itu dengan selamatnya”...tatkala aku tuju daripada Negeri Swiss daripada pihak jalan laut kerana aku hendak pergi haji ke Baitullah al-Haram dan ziarah akan kubur Rasulullah s.a.w...maka tiba-tiba kapalku itu di atas karang hampir pecah. Maka



aku serulah tiga kali, “Ya Saman³”. Dengan berkat karamah Tuan Sheikh Muhammad Saman maka turunlah kapalku itu dengan segeranya dari atas karang itu.” (Anonymous, t.t.)


Rajah 1: Kitab Manakib Tuan Sheikh Muhammad Saman



Sumber: Anonymous, t.t.

Kitab Manakib Tuan Sheikh Muhammad Saman sangat sukar didapati pada hari ini kerana tidak ada lagi cetakan terbaru dilakukan. Kitab yang ada pada hari ini merupakan hak milik peribadi individu yang pernah dipertanggungjawab membaca kitab berkenaan. Kebanyakannya merupakan salinan fotokopi dan bukan dalam bentuk salinan asal. Melalui pas haji yang diperkenalkan oleh Biro Perisikan Politik Negeri-Negeri Selat (*The Political Intelligence Bureau*) yang berpusat di Singapura pada tahun 1924 dan diwajibkan penggunaannya dua tahun kemudian, keturunan jemaah haji dapat diketahui dengan jelas (McDonnell, 1986). Pas haji yang dikeluarkan kepada jemaah haji berketurunan Banjar ditulis secara jelas pada ruangan bangsa sebagai ‘Banjar seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.

Rajah 2: Contoh pas haji yang dikeluarkan pada tahun 1954.



Sumber: Perkongsian daripada responden (Haji Omar)

Sesuai dengan bilangan masyarakat Banjar yang ramai mengerjakan ibadah haji saban tahun sudah pasti ada dalam kalangan mereka yang melibatkan diri sebagai sheikh haji. Walau pun menurut Siti Amirah & Mohd Kasturi (2015) perniagaan haji seperti sheikh haji, broker haji dan *runner* (badal sheikh haji) merupakan perniagaan yang didominasi oleh komuniti Melayu-Muslim di Pulau Pinang

bersesuaian dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai salah sebuah pelabuhan haji yang utama di Tanah Melayu, penglibatan masyarakat Banjar sebagai sheikh haji masih dapat ditelusuri dalam sejarah haji. Lebuah Acheh dan kawasan sekitarnya, iaitu Lorong Lumut yang menjadi pusat operasi kebanyakan broker haji pernah menempatkan pejabat operasi dua orang sheikh haji Banjar, iaitu Sheikh Haji Khither Haji Ali dan Sheikh Haji Nori Haji Sulleh di alamat No. 81F, Lebuah Acheh. Kedua-dua mereka merupakan sheikh haji atau lebih tepat broker haji Tanah Melayu yang sering dipilih oleh masyarakat Banjar di Daerah Kerian untuk menguruskan urusan haji mereka. Haji Omar yang menunaikan haji pada tahun 1954 dan Haji Lazim yang menunaikan haji pada tahun 1969 umpamanya, menggunakan perkhidmatan Sheikh Haji Khither Haji Ali (Temu bual dengan Haji Omar dan Haji Lazim). Bagi sheikh haji di Tanah Suci Makkah kebanyakan jemaah haji Banjar akan memilih perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sheikh Hassan Gusti, Sheikh Ali Zaini Gusti dan Sheikh Halimah Gusti yang berketurunan Banjar dan menetap di Makkah.

Rajah 3: Iklan Sheikh Haji.



Sumber: Anonymous, 1973.

Masyarakat Banjar, Makkah dan Rihlah al-Ilmi

Tradisi 'madam ka banua urang' dalam kalangan masyarakat Banjar sebenarnya tidak hanya terhad bagi tujuan mendapat kehidupan yang lebih baik dari segi ekonomi. Memandangkan masyarakat Banjar sangat mementingkan pendidikan ilmu agama terhadap anak-anak mereka, sudah pasti wujud kecenderungan yang amat mendalam dalam kalangan mereka untuk menghantar anak-anak mereka meneruskan pengajian agama ke Tanah Suci Makkah. Oleh itu, konsep 'madam ka banua urang' dalam kalangan masyarakat Banjar bukan hanya terhad kepada tujuan untuk mencari kehidupan yang lebih baik dari segi penjaan ekonomi, bahkan turut meliputi *Rihlah al-Ilmi*, iaitu bertujuan menimba ilmu pengetahuan bagi memperbaiki diri menjadi insan yang berilmu. Menarik sekali, *Rihlah al-Ilmi* juga berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah haji berikutan kecenderungan mereka menghantar anak-anak untuk menuntut ilmu di Tanah Suci Makkah.

Menurut Wan Mohd. Saghir (1990) Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, seorang tokoh ulama Banjar yang terkenal pernah bermukim di Makkah dengan pembiayaan Sultan Banjar pada ketika itu. Sultan Banjar sangat tertarik dengan lukisan permandangan yang dihasilkan oleh Sheikh Muhammad Arsyad ketika beliau baru berusia tujuh tahun sehingga menjemput Sheikh Muhammad Arsyad untuk tinggal di istana. Di istana, beliau menerima pelbagai ilmu pengetahuan. Antara mitos yang dikaitkan dengan pemergian beliau ke Makkah ialah peristiwa aneh yang berlaku di istana pada suatu malam apabila semua lampu istana dipadamkan tetapi tiba-tiba terdapat cahaya menerangi tubuh salah seorang penghuni istana. Perkara yang sama berlaku pada malam kedua dan kejadian berkenaan dilaporkan kepada Sultan Banjar. Sultan Banjar menitahkan agar diconteng kapur sirih ke atas tubuh orang yang diterangi cahaya berkenaan dalam usaha mengenal pasti pemilik tubuh berkenaan. Pada malam ketiga kejadian kapur sirih berjaya diconteng ke tubuh tersebut dan keesokan harinya didapati tubuh yang penuh dengan contengan kapur sirih ialah Sheikh Muhammad Arsyad. Peristiwa berkenaan menjadi ilham kepada Sultan Banjar untuk menghantar Sheikh Muhammad Arsyad ke Makkah dan beliau bermukim di Makkah selama 30 tahun dan lima tahun di Madinah.

Ketika bermukim di Makkah, Sheikh Muhammad Arsyad menikahkan sendiri anakanda beliau, Sharifah yang berada di Tanah Banjar dengan Sheikh Abdul Wahhab Sadengreng Daeng Bunga Wardiyah yang berasal dari Bugis. Pada waktu yang sama Syarifah dinikahkan dengan Usman di Tanah Banjar berwalikan Sultan Banjar sebagai wali hakim. Setelah Sheikh Muhammad Arsyad kembali ke Tanah Banjar barulah diketahui beliau perkara tersebut. Beliau kemudiannya memfasakhkan pernikahan yang diadakan oleh Sultan Banjar berdasarkan perhitungan yang menggunakan pelbagai kaedah ilmu falak menunjukkan bahawa akad yang dilakukan oleh beliau di Makkah mendahului beberapa jam berbanding akad yang dijalankan di Tanah Banjar (Wan Mohd. Saghir, 1990). Ternyata jalan yang dirintis oleh Sheikh Muhammad Arsyad menuntut ilmu di Makkah diteruskan oleh generasi Banjar terkemudian. Sememangnya menjadi kebiasaan bagi masyarakat Banjar menghantar anak-anak mereka untuk meneruskan pengajian di Makkah. Tuan Guru Haji Abdul Rahman Arshad, anak kepada Tuan Haji Arshad bin Andin Tasan yang membuka perkampungan Banjar di Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak, Malaysia pernah bermukim di Makkah selama 11 tahun. Beliau kemudiannya mengasaskan sebuah sekolah pondok yang terkenal di utara Semenanjung Malaysia, Madrasah al-Akhlaq al-Islamiyyah. Beliau meninggal di Makkah pada tahun 1992 ketika berusia 82 tahun. Haji Abdul Qadir juga pernah menyambung pengajian di Makkah selepas tamat pengajian di Madrasah al-Akhlaq al-Islamiyyah pada tahun 1954 ketika berusia 23 tahun dan bermukim di sana untuk menimba ilmu selama 13 tahun. Beliau memasuki sekolah kerajaan Saudi pada peringkat ibtidai'iah, Madrasah al-Falah pada peringkat menengah dan kemudian menyambung pengajian di al-Maahad al-'Ilmi lil Mu'allimin al-'Am. Setelah tamat pengajian beliau sempat mengajar di Maahad yang sama selama 3 tahun sebelum mengambil keputusan untuk kembali ke Malaysia berikutan polisi kerajaan Saudi yang mewajibkan mereka yang ingin bekerja di Makkah menukar kewarganegaraan. Turut bersama beliau ke Makkah menyambung pengajian ialah rakan-rakan dari Madrasah al-Akhlaq al-Islamiyyah, iaitu Tuan Haji Tarmizi, Tuan Haji Mahdar Haji Bakri dan Tuan Haji Abdullah Darmawi. Selama bermukim di Makkah, Tuan Haji Idris akan membantu Sheikh Zaini Gusti menguruskan jemaah haji setiap kali musim haji (Temu bual dengan Haji Abdul Qadir).

Hasil temu bual dengan Haji Abdul Qadir juga mendapati terdapat masyarakat Banjar yang terus menetap di Makkah dan menjadi rakyat Saudi. Antara yang dikenal pasti ialah Tuan Haji Jamhari, isterinya Hajjah Siti Fatimah dan anak-anak. Tuan Haji Jamhari pernah menguruskan jemaah haji setiap kali musim haji. Anak-anak beliau terus menetap di Makkah sehingga ke hari ini. Seorang lagi orang Banjar yang kini menetap di Jeddah dikenali sebagai Hajjah Sharifah Mat Idot yang berkahwin dengan orang Banjar dari Banjarmasin, iaitu Mat Idot. Selain itu, Allahyarham Tuan Haji Nasrun juga menetap di Makkah dan beliau pernah menjadi sheikh haji di Makkah.

Rajah 4: Sijil syahadah al-Maahad al-'Ilmi lil Mu'allimin al-'Am



Sumber: Perkongsian daripada responden (Haji Abdul Qadir)

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, tradisi ‘madam’ yang cukup sinonim dengan masyarakat Banjar menjadikan mereka sebuah masyarakat yang cekal dan tabah dalam mengharungi kehidupan di tanah rantau. Pengalaman hidup dalam kesusahan dan kemiskinan di tanah asal menjadikan mereka kelompok yang sangat kuat bekerja mencari rezeki. Berbekalkan semangat keagamaan yang begitu kuat, mereka memerah keringat menggunakan tulang empat kerat mengumpulkan wang bagi merealisasikan cita-cita melengkapkan rukun Islam kelima. Bagi masyarakat Banjar, kehidupan secara bersederhana tidak menjadi masalah besar bagi mereka asalkan mereka dapat mengumpul wang bagi merealisasikan cita-cita agung mereka, iaitu melengkapkan rukun Islam kelima. Malah, kesungguhan mereka jelas terbukti kerana mereka merupakan antara kelompok teramai yang mengerjakan ibadah haji ke Tanah Suci Makkah saban tahun sejak dari era pengangkutan kapal haji. Pengerjaan ibadah haji ke Tanah Suci Makkah turut meluaskan lagi konsep ‘madam ka banua orang’ apabila masyarakat Banjar turut menggunakan peluang keemasan tersebut untuk terus kekal menetap di Tanah Suci selama bertahun-tahun bagi tujuan menimba ilmu pengetahuan agama, iaitu Rihlah al-Ilmi. Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu dalam masyarakat Banjar kerana Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, ulama Banjar yang amat disegani telahpun merintis jalan ini lebih awal. Secara tuntas, kedatangan Islam telah membentuk suatu pandangan semesta yang baharu terhadap tradisi ‘madam ka banua orang’ masyarakat Banjar, iaitu merealisasikan cita-cita dan keazaman untuk menyempurnakan rukun Islam kelima serta Rihlah al-Ilmi.

Rujukan

- Aiza Maslan @ Baharudin. (2019). Kitab Manaqib dan Tradisi Manaqiban sebagai Satu Bentuk Kearifan Lokal Masyarakat Banjar. Dalam Mahani Musa (Ed.), *Warisan Sakral di Malaysia* (hlm. 155-174). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Anonymous. (t.t). *Kitab Manakib Tuan Sheikh Muhammad Saman*. Bagan Serai: SS Yamani Enterprise.
- Anonymous. (1973). *Peduman Bakal2 Haji*. Pulau Pinang: Perpustakaan Tuanku Bainun.
- Alfani Daud. (1997). *Islam & masyarakat Banjar: Diskripsi dan analisis kebudayaan Banjar*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- American Psychological Association. (2010). *Publication manual of the American Psychological Association*. 6th ed. Washington, DC: Author.
- Azizi Muda. (1983). Penghijrahan penduduk Indonesia ke Semenanjung Malaysia. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 12, 167-177.
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4th ed. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Chek Mat. (1982). *Sejarah Kedatangan Orang-orang Banjar: Satu Kajian Kes di Daerah Sabak Bernam, Selangor* (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mahani Musa. (2018). Reconstructing the Past Through Oral History: A Malaysian Experience. *Kemanusiaan*, 25(1), 39-58.
- Muhammad Marwan. (2011). *Manakib Syekh Muhammad Samman Al-Madani*. Kandangan: Penerbit Sahabat.
- McDonnell, M. B. (1986). The conduct of Hajj from Malaysia and its socio-economic impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study, 1860-1981. *Phd Dissertation*, Columbia University.
- Mochtar Naim. (1984). *Merantau pola migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohd. Aris Othman. (1986). Kedatangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ke Tanah Melayu dan penyesuaian mereka ke dalam masyarakat dan budaya Melayu. *Sari*, 4(2).
- Noriah Mohamed & Ghazali Basri. (2012). *Masyarakat Banjar Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Robson, C. (2002). *Real world research*. 2nd ed. Oxford, UK: Blackwell Publications.
- Roff, W. R. (2003). *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Salleh Lamry. (2016, Ogos 9-11). *Madam ka Banua Urang: Migrasi dan Perubahan Sosial dalam Kalangan Orang Banjar di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Konferensi Internasional: Transformasi Sosial dan Intelektual Orang Banjar Kontemporer, Banjarmasin, Indonesia.
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as Qualitative Research A Guide for Researchers in Education and the Social Sciences*. 3rd ed. New York: Teachers College Press.
- Siti Amirah Abdullah & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2015). *Perniagaan Haji di Pulau Pinang dan dokumentasi Sultan Kedah*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Taufik Arbain. (2007). Migrasi Orang Banjar di Kalimantan Catatan Kecil Pola Migrasi Antar Kawasan. *Kandil*, 14(5), 16-31.



Taufik Arbain. (2009). *Strategi migran Banjar*. Yogyakarta: LKIS.

Vredenbregt, J. (1962). The Haddj. *Bijdragen tot de taal-land-en volkenkunde*, 118(1), 91-154.
<https://doi.org/10.1163/22134379-90002165>.

Wan Mohd. Saghir Abdullah. (1990). *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin*.
Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Zulfa Jamalie. (2011, Mei 23-24). *Batatamba: Ritual Pengobatan Tradisional Dalam Masyarakat Banjar*.
Kertas kerja dibentangkan di Konferensi Antaruniversiti se Borneo-Kalimantan (KABOKA 6),
Universiti Palangka Raya, Indonesia.

